

UUM ONLINE: Tiga Blok Akademik tambahan berharga RM93.3 juta diserahkan oleh Wakil Pengarah Cawangan Pendidikan dan Pengajian Tinggi (CPPT) kepada Universiti Utara Malaysia (UUM) yang diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Datuk Dr Ahmad Faiz Hamid bagi pihak Naib Canselor UUM kelmarin.

Bangunan yang disiapkan itu mengandungi bilik professor, pensyarah, Dewan Seminar, kafeteria, bilik mesyuarat utama dan lain-lain kemudahan.

Sementara itu Datuk Dr Ahmad Faiz ketika berucap di majlis itu berharap dengan penyerahan bangunan ini akan dapat meningkatkan lagi keberkesanan dalam pembelajaran dengan penambahan tiga blok projek dibawah Rancangan Malaysia ke 9 (RMK9) ini.

Di majlis itu Pemangku Pengarah, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan UUM, Roslan Shaari yang mewakili UUM dan Pengurus Besar, Kanan Pembinaan Jabatan Kerja Raya, Ir Mohd Rosdi Haron menandatangani dokumen, penyerahan kunci dan projek diantara JKR dan UUM dengan disaksikan oleh Datuk Ahmad Faiz dan Ir Fawzi Ariffin.

Habis.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my